

# FAKTOR-FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA PEMBENTUKAN KECERDASAN SPIRITUAL SISWA GURU DI IPG KAMPUS ILMU KHAS KUALA LUMPUR

*Factors that Contributed to the Development of Spiritual Intelligence amongst Trainee Teachers in IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur*

**Chin Mei Keong (PhD)**

*Intitut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas*

*mei\_keong@ipgkik.edu.my*

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kecerdasan spiritual guru pelatih di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Kajian ini berbentuk kualitatif. Protokol temu bual telah disediakan untuk mengumpul data. Penentuan peserta kajian adalah dengan menggunakan kaedah persampelan secara extreme case sampling. Pemilihan kaedah ini adalah bertujuan untuk mendapatkan peserta kajian yang bersesuaian dan menyediakan maklumat yang bertepatan dengan persoalan kajian. Sehubungan itu, empat orang subjek kajian telah dipilih untuk ditemu bual. Mereka terdiri daripada siswa guru semester tujuh yang sedang belajar di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Pengkaji telah mendengar dan mentranskripsi bahan temu bual secara verbatim dan seterusnya data dianalisis dengan menggunakan perisian Nvivo. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa dua tema utama iaitu "keluarga", dan "agama" adalah antara faktor-faktor yang memainkan peranan dominan terhadap pembentukan tahap kecerdasan spiritual siswa guru. Dapatkan ini memberi implikasi bahawa siswa-siswa guru perlu menjalin hubungan kekeluargaan yang efektif dan sentiasa mengamalkan ajaran agama dalam kehidupan mereka demi meningkatkan keberfungsian sebagai guru yang berkualiti kelak.

**Kata kunci:** kecerdasan spiritual, hubungan keluarga, pendidikan agama, kualiti guru

## ABSTRACT

*This study is conducted to identify factors that influence the level of spiritual intelligence of trainee teachers at IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. This study employs a qualitative method. The interview protocol is prepared for data collection. The participants of the study are determined using extreme case sampling. The selection of this method is to obtain appropriate research participants and provide information that is in line with the research questions. Accordingly, four subjects from among the trainee teachers of IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur are selected for interview. The researcher listened and transcribed the interviews in verbatim and data was analyzed using the Nvivo software. The finding showed that two main themes, "family", and "religion" were among the factors that played a dominant role in the formation of the spiritual intelligence of the trainee teachers. This finding highlights that trainee teachers need to have effective family relationships and regularly practice religious teachings in their lives to improve their functions as quality teachers.*

**Keywords:** spiritual intelligence, family relationship, religious teaching, teacher's quality

## PENGENALAN

Kecerdasan spiritual (SQ) merujuk kepada kecerdasan jiwa yang dapat membantu seseorang untuk mengembangkan dirinya secara keseluruhan melalui menerapkan nilai-nilai positif. Kecerdasan spiritual membantu seseorang untuk mengatasi masalah dan berdamai dengan masalahnya itu. Ciri utama kecerdasan spiritual ini ditunjukkan dengan kesedaran seseorang untuk menggunakan pengalamannya sebagai bentuk penerapan nilai dan makna hidup (Sulaiman, Ismail & Yusof (2013). Seseorang yang mempunyai perkembangan kecerdasan spiritual yang baik akan menunjukkan kemampuan dan bersikap fleksibel serta mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran, mempunyai tahap kesedaran yang tinggi, mampu menghadapi penderitaan dan rasa sakit, mampu mengenal pasti iktibar yang berharga dari suatu kegagalan, mampu mewujudkan hidup yang sejahtera, mampu melihat perkaitan antara pelbagai hal, serta pada akhirnya mengerti akan makna hidupnya.

Sehubungan dengan itu, IPGM seharusnya berusaha untuk menghasilkan guru pelatih yang mempunyai tahap kecerdasan spiritual yang tinggi. Menurut Sue Spencer (dalam Van Hook, Hugen, Aguilar, 2001), spiritual merangkumi aspek perasaan, aspirasi dan keperluan yang berkaitan dengan usaha manusia untuk mencari tujuan dan makna dalam pengalaman hidup, dan juga mungkin berlaku tanpa ada kaitannya dengan mana-mana badan keagamaan. Sheridan, Bullis, Adcock, Berlin, & Miller (1992), mencadangkan pemahaman tentang spiritual seharusnya merangkumi kepelbagai eksresi keagamaan dan bukan keagamaan. Pemahaman spiritual sebegini membolehkan para pekerja sosial untuk membuat refleksi tentang pelanggan mereka dengan baik mahu di dalam atau pun di luar skop agama. Canda (1988) telah mengenal pasti tiga komponen spiritual iaitu nilai, kepercayaan dan amalan. Ketiga-tiga komponen ini merupakan dinamik pusat yang dicari oleh seseorang tentang makna dan tujuan hidup, dan memperkembangkan hubungan saling kebergantungan antara diri, orang lain, dan dunia selain manusia. Spiritual berada pada tahap yang lebih tinggi daripada agama.

Kajian-kajian yang lepas turut menunjukkan bahawa guru yang mempunyai tahap kecerdasan spiritual yang tinggi mempunyai kesedaran dan tanggungjawab yang lebih tinggi terhadap diri, dan manusia yang lain (Sofyan 2005); mampu meningkatkan rasa kemasyarakatan dan kemanusiaan (Marques, Dhiman, & King 2005); mampu menginterpretasi hubungan kerohanian kepada manusia (Fenwick & Inggeris 2004); mampu meningkatkan hasil produktiviti dan kepuasan kerja dalam menentukan kejayaan di tempat kerja (Marques, Dhiman & King 2005; Moore & Casper 2006). Sebenarnya konsep spiritual adalah berbeza dengan konsep agama di mana seseorang tidak perlu terikat dengan kepercayaan doktrin-doktrin dalam sesuatu agama yang berbeza-beza antara kumpulan agama. Seseorang yang dikatakan mempunyai nilai spiritual bermaksud individu tersebut mengambil berat dan prihatin terhadap yang lain, termasuklah manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan, persekitaran, universal dan lain lain lagi, di mana semua ini dilihat sebagai satu dan sepatutnya dapat menjana hubungan harmoni yang ideal (Piedmont 2005).

Model SQ Danah Zohar & Ian Marshall dijadikan rujukan dalam kajian ini. Menurut Zohar & Marshall (2004), SQ adalah sejenis kecerdasan di mana kita dapat menilai secara mendalam nilai-nilai asas dan matlamat kekal dalam kehidupan kita. SQ mempersoalkan “Mengapa saya dilahirkan?” “Apakah maksud hidup saya?” “Mengapakah saya sanggup mengabdikan hidup saya dalam hubungan sebegini?” “Apakah yang saya cuba untuk mencapai dalam hidup saya?” SQ membolehkan individu untuk mendapat gambaran menyeluruh tentang matlamat hidupnya.

Menurut Zohar & Marshall (2004), seseorang individu yang dikategorikan tahap SQ yang tinggi mesti memenuhi dua belas kriteria seperti berikut: *Self awareness (Kesedaran diri)*, *A sense of vocation* (rasa kerjaya), *Spontaneity* (kespontanan), *Vision and Value Led* (Petunjuk Visi dan Nilai), *Compassion* (belas kasihan), *Celebrate diversity* (meraikan kepelbagai), *Field independence* (ketidakbergantungan),

*Asking why* (bertanyakan mengapa), *Reframing* (membentuk semula), *The positive use of adversity* (menggunakan kesukaran secara positif), *Humility* (sifat rendah diri), *A sense of vocation* (rasa kerjaya),

## KAJIAN LITERATUR

Dapatan kajian Abdul Ghania, Abdullah Kamal & Abd Aziz (2014); Norhayatunnisha (2011); Alegre (2008) mendapati bahawa keluarga adalah institusi sosial manusia yang paling penting dan berfungsi untuk memupuk kecerdasan spiritual kanak-kanak. Ibu bapa ialah ahli-ahli yang paling penting dalam sesebuah keluarga. Selain itu, kajian Mustaffa, Omar & Nordin (2010) menunjukkan bahawa komunikasi yang berlaku di antara ibu bapa dan anak-anak atau sesama ahli keluarga yang lain didapati menyumbang kepada kecerdasan spiritual seseorang anak. Sehubungan itu, kepentingan komunikasi keluarga jelas terbukti dalam konteks kajian ini. Pola komunikasi yang berbentuk terbuka dan sosial perlu diseimbangkan dan dititikberatkan oleh sesebuah keluarga kerana ia mendatangkan kesan terhadap kecerdasan spiritual anak-anak.

Dapatan kajian Ahmad Mu'ammar (2011); Moosa & Ali (2011); Ngaliyati (2010); Hosseini, Habibian, Krauss & Aishah (2010) menunjukkan bahawa keluarga khasnya ibu bapa mempunyai peranan penting dalam mengembangkan kecerdasan spiritual anak. Keteladanan ibu bapa akan membawa hikmah dan mampu memacu kecerdasan spiritual anak dengan menyediakan suasana yang harmonis dalam kehidupan keluarga dan menerapkan nilai-nilai spiritual dalam diri anak sejak kecil lagi. Ibu bapa perlu sentiasa memperhatikan perkembangan kecerdasan anak-anaknya, baik intelektual, emosi maupun spiritual agar ketiga-tiga kecerdasan tersebut dapat berkembang secara optimum.

Menurut Tiller, Garrison, Block, Cramer, & Tiller (2001), ibu bapa yang mengabaikan keperluan psikologi kanak-kanak, akan menyebabkan anak-anak mereka mempunyai rasa tidak diterima dan bertanggapan bahawa mereka adalah orang yang tidak bernilai dan tidak mempunyai ciri-ciri positif. Keadaan sebegini akan menghalang perkembangan kecerdasan spiritual mereka. Selain itu, gaya keibubapaan turut mempengaruhi perkembangan kecerdasan spiritual kanak-kanak. Anak-anak dalam keluarga autoritarian secara amnya tidak sabar, cuai dan mereka tidak mempunyai keupayaan untuk berfikir secara mendalam. Ibu bapa yang tidak fleksibel dan keras akan menyebabkan ketidakstabilan intelektual dan mental kanak-kanak. Selain tekanan psikologi kepada kanak-kanak, gaya keibubapaan ini juga menyebabkan kesan yang negatif ke atas pembentukan kepercayaan dan sikap mereka.

Menurut Sulaiman, Ismail & Yusof (2013), Syed Najmuddin, Noriah & Mohamad Bokhari (2011); Ina (2010), spiritual adalah asas nilai-nilai kerja yang baik. Ajaran agama memainkan peranan yang dominan dalam membimbing individu tentang apa yang betul atau salah. Tambahan pula, manusia percaya dalam kod moral tingkah laku iaitu perbuatan-perbuatan yang baik akan diberi pampasan dalam pelbagai cara, sama ada sekarang atau kemudian.

Selain itu, kajian Leni (2013), Ida & Nim (2011), menunjukkan bahawa amalan agama dapat meningkatkan kecerdasan spiritual pelajar. Pendidikan agama bertujuan menjadikan manusia yang bermartabat. Pendidikan agama mempunyai peranan yang besar dalam mendidik anak menjadi manusia yang menuju kepada kehidupan yang berjaya dengan memiliki kecerdasan intelektual, emosional dan spiritual. Pendidikan agama telah menyediakan suatu ruang lingkup yang sempurna kepada diri manusia. Pendidikan agama yang lengkap ini boleh dilihat dalam tiga bentuk hubungan dalam kehidupan manusia, iaitu:

- i. Hubungan insan dengan penciptanya yang bakal memberikan motivasi, semangat dan ketenangan bagi setiap manusia di dalam menghadapi pancaroba kehidupan.

- ii. Hubungan sesama insan yang bakal mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan hidup sesama manusia.
- iii. Hubungan antara insan dengan alam sekitar yang bakal mengajar manusia untuk menjaga keharmonian dan keseimbangan ekologi alam sekitar yang menjadi tempat kediaman manusia.

Nisa (2009), Rachman (2005), pula menyatakan bahawa setiap orang memiliki potensi kecerdasan spiritual untuk dikembangkan. Pembinaan agama sejak kecil perlu dilakukan agar individu tidak hanya cerdas secara intelektual, tetapi cerdas juga secara spiritual. Mereka telah mencadangkan cara-cara untuk meningkatkan kecerdasan spiritual manusia seperti berikut:

- i. Banyak merenung secara mendalam persoalan hidup yang terjadi, baik di dalam atau di luar diri sendiri.
- ii. Melihat kenyataan-kenyataan hidup secara utuh dan menyeluruh, tidak secara sebahagian.
- iii. Mengenali motif diri yang paling dalam. Motif merupakan kuasa dalaman yang sangat luar biasa, ia menggerakkan potensi dari pusat diri menuju ke permukaan atau lapisan ego.
- iv. Membuat refleksi dan mengaktualisasikan spiritual dalam penghayatan hidup yang konkret dan nyata.
- v. Merasakan kehadiran Tuhan yang begitu dekat.
- vi. Berterima kasih / bersyukur atas pemberian tuhan kepada kita.

## PERNYATAAN MASALAH

Bukti-bukti penyelidikan menunjukkan kebanyakan guru menghadapi kesukaran mengubah kebiasaan mereka untuk menyesuaikan diri dengan perubahan (Yahzanon & Yusof 2011). Selain itu, Khairul Hamimah (2008) pula mendapati kebanyakan guru pelatih masih kurang mendalami pengetahuan ilmu spiritual. Maka kumpulan tersebut didapati mempunyai keupayaan menangani kesengsaraan hidup yang lebih rendah kerana kurang jelas akan visi, misi dan makna hidup yang sebenar (Rajeshkumar 2013). Keadaan-keadaan tersebut boleh menjelaskan kualiti guru yang akan dibentuk.

Dari segi penggunaan teori pembelajaran pula, Yatimah & Muhd Tajudin (2008) mendapati bahawa pendidik-pendidik tempatan berasa tidak mencukupi untuk mereka mengajar jika hanya memegang kepada teori-teori pembelajaran tradisional (contohnya Behaviorisme, Kognitif, Sosial, Humanistik, Konstruktivisme). Mereka mendapati bahawa teori pembelajaran integrasi yang berdasarkan kecerdasan spiritual (SQ) boleh dijadikan sebagai salah satu komplemen kepada amalan pendidik tempatan. Namun begitu, usaha untuk mengadaptasikan teori tersebut dengan konteks sosial, agama dan budaya tempatan adalah kritikal sebelum pengamalan kecerdasan spiritual (SQ) dimulakan.

Aliran perubahan transformasi turut mempengaruhi ilmu bidang pendidikan. Di negara barat, ramai penyelidik telah menekankan kecerdasan spiritual (Campbell 2003; Chakraborty & Chakraborty 2004; De Klerk 2005) dalam bidang pendidikan. Sehubungan ini, Steve Van Bockern (2006) telah membincangkan kepentingan kecerdasan spiritual dalam transformasi pengajaran dan pembelajaran seseorang guru, manakala Young, Cashwell, Wiggins, & Belaire, (2002) menyatakan bahawa Council for Accreditation of Counseling and Related Educational Programs (CACREP) kini sedang berusaha untuk memasukkan topik agama dan spiritual ke dalam kursus latihan perkhidmatan membantu di Amerika Syarikat. Memandangkan profesi perguruan menawarkan perkhidmatan membimbing dan mendidik kepada anak bangsa negara kita, maka adalah wajar memasukkan topik agama dan spiritual ke dalam kursus latihan perguruan di IPG (Young, Wiggins & Cashwell 2007).

Sekali imbas keadaan di negara kita, masih terbatas institusi-institusi pendidikan guru yang merangkumi topik kecerdasan spiritual dalam latihan perguruan masing-masing. Topik-topik seperti

apakah pendekatan kecerdasan spiritual? Adakah guru pelatih kita mempunyai tahap kecerdasan spiritual yang tinggi? Bagaimanakah cara pengamalannya? Apakah faktor yang harus dimiliki dalam proses menghasilkan seorang guru pengamal kecerdasan spiritual? Semua ini merupakan persoalan yang bernilai namun kurang diterokai.

Walaupun perkembangan ilmu kecerdasan spiritual dalam bidang pendidikan adalah pesat di negara-negara barat, namun masih kurang kajian tentang kecerdasan spiritual khasnya dalam latihan perguruan di rantau Malaysia sehingga hari ini. Hasil tinjauan dokumentasi pengkaji ke atas sukanan pelajaran mendapatkan tiada kecerdasan spiritual dalam kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa masih terbatas kandungan kurikulum tentang aspek kecerdasan spiritual dalam latihan perguruan di Institusi Pendidikan Guru. Keadaan-keadaan tersebut telah mendorong pengkaji untuk menyelidik aspek kecerdasan spiritual yang merupakan penentu utama kesejahteraan hidup. Pengkaji akan berfokus kepada faktor-faktor yang menyumbang kepada pembentukan kecerdasan spiritual di kalangan siswa guru di IPG.

### ***Objektif Kajian***

Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk meninjau faktor-faktor yang menyumbang kepada pembentukan kecerdasan spiritual di kalangan siswa guru di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur.

### ***Persoalan Kajian***

Berdasarkan objektif kajian tersebut, persoalan yang timbul adalah seperti yang berikut: Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kecerdasan spiritual siswa guru di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur?

## **METODOLOGI KAJIAN**

### ***Reka bentuk kajian***

Kajian tinjauan ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mengumpul data. Protokol temu bual disediakan untuk meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kecerdasan spiritual siswa guru di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Penentuan peserta kajian bagi kaedah temu bual adalah dengan menggunakan kaedah persampelan secara *extreme case sampling* atau *critical case sampling*. Hasil dapatan kajian kuantitatif yang dijalankan pada fasa pertama kajian ini telah digunakan untuk mengenal pasti sample yang mencatatkan skor kecerdasan spiritual yang paling tinggi dan skor kecerdasan spiritual yang paling rendah. Memandangkan instrumen kecerdasan spiritual yang digunakan dalam kajian ini adalah diadaptasi daripada domain kerohanian IKEM-D, maka penentuan tahap kecerdasan spiritual turut mengambil kira pandangan Noriah (2005), iaitu skor 81% keatas menunjukkan kecekapan kecerdasan spiritual yang tinggi dan sepatutnya digunakan sepenuhnya. Tahap 61% hingga 80% menunjukkan kecekapan kecerdasan spiritual yang sederhana dan perlu dicari dalam diri seseorang yang boleh menjadi kekuatan baginya. Tahap 60% ke bawah menunjukkan kecekapan kecerdasan spiritual perlu dibina kerana kewujudannya lemah.

Pemilihan kaedah ini adalah bertujuan untuk mendapatkan peserta kajian yang bersesuaian dan menyediakan maklumat yang bertepatan dengan persoalan kajian. Sehubungan itu, empat orang subjek kajian yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur telah dipilih untuk ditemu bual. Mereka telah dikenal pasti melalui Instrumen Kecerdasan Spiritual (nilai Cronbach Alpha = 0.932). Subjek kajian terdiri daripada dua orang siswa guru yang telah mencatatkan tahap kecerdasan spiritual yang tinggi (HSQ) dan dua orang siswa guru yang telah mencatatkan tahap kecerdasan spiritual yang rendah (LSQ).

Data kualitatif diproses dengan menggunakan perisian Nvivo yang melibatkan proses berikut (a) pemindahan data temu bual kepada bentuk *rich text format* daripada *microsoft word*, (b) membentuk projek, (c) *browse document* untuk membuka fail *rich text format*, (d) proses membina dan menamakan kod-kod pada node pokok (*tree node*) berdasarkan tema yang telah dikenal pasti sebagai *child* atau *sibling*. Seterusnya menyusun data dalam bentuk gambar rajah pokok yang menggambarkan perkaitan antara kelompok data untuk menjawab persoalan kajian yang dikaji.


### **Kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kajian**

Kajian ini mengambil kira nilai persetujuan Kappa untuk membuktikan kajian yang dilakukan mempunyai kebolehpercayaan (Cohen 1988). Pengkaji telah menyediakan satu jadual pekali persetujuan Kappa yang mengandungi kategori, tema utama, definisi tema, transkripsi yang terpilih, dan ruang persetujuan panel penyemak sebelum menjalankan proses kebolehpercayaan data temu bual. Kemudian jadual pekali persetujuan Kappa tersebut telah disemak oleh enam orang panel penyemak yang mempunyai kepakaran dalam bidang kecerdasan spiritual untuk memberi pengesahan terhadap ketepatan unit-unit transkripsi yang dibina oleh pengkaji. Selepas mengumpul balik jadual yang telah disemak, pengkaji telah merumuskan nilai pekali persetujuan semua pakar penyemak dengan menggunakan formula Cohen (1988). Nilai persetujuan Kappa yang diperoleh bagi persoalan kajian kualitatif “Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kecerdasan spiritual guru pelatih di IPG zon tengah, Kementerian Pendidikan Malaysia?” ialah 0.92. Nilai pekali persetujuan ini memaparkan nilai Kappa yang tinggi.

Bailey (1978) dan Scoot (1961) mencadangkan penggunaan teknik independent rating melalui cross-checking untuk membuat keesahan data kualitatif. Bagi memastikan kesahan dalaman dan luaran protokol temu bual ini, pengkaji telah menggunakan “peer checking” di mana peserta kajian telah diminta untuk menyemak semula dan mengesahkan ketepatan ayat dan makna yang ditulis oleh pengkaji. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya percanggahan idea antara pengkaji dengan peserta kajian. Selain itu, setelah data-data temu bual diperoleh, pengkaji telah merujuk rakan-rakan sekerja di IPG Kampus Ilmu Khas yang mempunyai kepakaran dalam bidang kecerdasan spiritual dan pengalaman dalam kajian kualitatif (peer examination) untuk mendapatkan pandangan serta komen pada aspek interpretasi data, pengekodan tema dan penganalisaan data. Tambahan pula, untuk tujuan kesahan luaran pengkaji telah menyediakan deskripsi yang kaya dan terperinci untuk menerangkan bagaimana tema-tema yang ditemui dapat menggambarkan kategori yang hendak diuji. Hal sedemikian adalah untuk memastikan dapatkan kajian dapat digunakan dalam situasi yang lain (Merriam 2001).

### **DAPATAN KAJIAN**


Dapatan kajian di bawah ini akan dibincangkan berdasarkan objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini. Dalam temu bual, peserta kajian SQ telah ditanya tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada pembentukan kecerdasan spiritual. Daripada maklum balas yang diberi, kajian ini telah mengkategorikan faktor-faktor tersebut kepada dua tema utama (Rajah 1). Peserta-peserta kajian berpendapat bahawa “keluarga”, dan “agama” adalah antara faktor-faktor yang menyumbang kepada pembentukan kecerdasan spiritual.



*Rajah 1.* Faktor-faktor yang menyumbang kepada pembentukan kecerdasan spiritual siswa guru.

### ***Keluarga***

Daripada maklum balas yang diberi dalam temu bual, kajian ini telah mengenal pasti empat sub tema di bawah tema utama keluarga yang turut menyumbang kepada pembentukan kecerdasan spiritual, iaitu hubungan kekeluargaan, latar belakang keluarga, pengaruh ibu bapa, dan penurunan baka (Rajah 2).



*Rajah 2.* Rajah Pokok Sub Tema “Keluarga” Terhadap Faktor Penyumbang Pembentukan Kecerdasan Spiritual

### ***Latar Belakang Keluarga***

Peserta kajian HSQ2 menegaskan “latar belakang keluarga” ialah faktor paling utama yang menyumbang kepada pembentukan kecerdasan spiritual. Peserta HSQ1 turut menyokong pandapat HSQ2, dia menekankan bahawa didikan awal keluarganya telah menyebabkannya mengamalkan nilai-nilai agama.

“...saya berlatar belakangkan keluarga Islam, belajar agama, sekolah agama, so dekat situ, dia menyumbang kepada faktor spiritual yang tinggi la...” (HSQ1 Para 281)

“Faktor pertama mungkin didikan awal keluarga, keluarga saya keluarga yang besarlah dari segi atuk, pak cik, mak cik macam yang sangat Islamiklah, maksudnya life style pun Islamiklah, mengamalkan nilai-nilai agama.” (HSQ2 Para 285)

### ***Pengaruh Ibu Bapa***

Peserta kajian HSQ2 telah kerap kali menyatakan bahawa cara didikan ibu bapa yang membentuk keyakinan dirinya dan seterusnya dapat mengamalkan nilai-nilai keagamaan.

“Ya saya rasa macam itu, dia bagi ceramah keagamaan, dan nilai-nilai murni. Saya pun duduk dengar, saya pun masuk sekali kelas dia. Itulah faktornya saya mengamalkan nilai-nilai keagamaan.” (HSQ2 Para 82)

Peserta kajian HSQ1 turut menyatakan bahawa pembentukan kecerdasan spiritualnya banyak dipengaruhi oleh ibunya yang bertugas sebagai seorang ustazah.

“...ibu saya seorang ustazah, dia mengajar agama, so dekat situ, saya dapat didikan, memang waktu kecil-kecil bila saya tak baca Al-Quran, tak baca kitab kan, ibu saya akan pukul, rotan saya, so dekat situ saya terbentuk benda tu lah, waktu kalau tak solat, ibu saya akan pukul, rotan saya, bila saya bermain, ibu akan marah, so kat situ memang faktor-faktor utama la...” (HSQ1 Para 283)

Sementara itu, ibu bapa LSQ1 tidak mengamalkan nilai spiritual dalam kehidupan harian. Oleh itu, kecerdasan spiritual LSQ1 turut terpengaruh.

“...mak saya penganut agama buddha, ayah saya penganut kristian, masalahnya begini, bila mereka kahwin mereka mula sibuk buat kerja banyak komitmen lain, then lama kelamaan mereka tidak pergi sembahyang, tak ada masa nak pergi sembahyang then setelah beberapa tahun, we just go on dengan kehidupan macam tu, jadi tak ada apa-apa tentang spiritual la...” .(LSQ1 Para 27)

### ***Baka***

Peserta kajian HSQ2 juga menyatakan bahawa kecerdasan spiritualnya mungkin diturunkan secara baka daripada bapa dan datuknya yang memang kuat pegangan agamanya.

“...apa yang saya rasa macam ada pada ayah saya yang sudah meninggal, dan ada pada atuk saya yang masih ada sekarang. Atuk saya macam seorang yang kuat agama, dia macam menjadi orang sumber rujukan bagi orang kampung, itu ada pada ayah saya sama juga orang datang rumah. Ayah saya, walaupun dia tidak berpelajaran, tetapi dia sangat suka membaca buku, khasnya sejarah dan ilmu-ilmu Islam, jadi dia selalu menjadi pakar rujuk untuk orang-orang terutamanya kawan-kawannya...” (HSQ2 Para 62)

### ***Hubungan Kekeluargaan***

Peserta kajian LSQ2 berpendapat bahawa interaksi dan hubungan kekeluargaan merupakan faktor yang menyumbang kepada pembentukan kecerdasan spiritual. Peserta kajian LSQ 2 tidak dapat menjalin hubungan kekeluargaan yang mesra dengan ahli keluarganya. Keadaan yang sama berlaku pada peserta kajian LSQ 1. Oleh sebab itulah peserta kajian LSQ1 dan LSQ2 mempunyai tahap kecerdasan spiritual yang rendah.


“...kena pukul....kebanyakan masa saya pendam sahaja lah.. ya lah mereka strict kan....dengan ayah pun sama, dia lagi strict, dia tukang pukul, emak tukang bebel....” (LSQ2 Para 89)

“...saya segan dengan ayah, kerana dia ketua family, biasanya dia jenis yang senyap, jenis yang tegas...jarang cakap dengan ayah...Mak saya still the same, dia kuat meleter, saya pun agak boring sebenarnya kadang-kadang.” (LSQ1 Para 87, 90, 95)

Maka dapat dirumuskan bahawa tema keluarga telah banyak menyumbang kepada pembentukan kecerdasan spiritual guru pelatih. Peserta kajian HSQ1 dan HSQ2 didapati menjana tahap kecerdasan yang lebih tinggi berbanding dengan peserta LSQ1 dan LSQ2 kerana mempunyai latar belakang keluarga yang kuat mengamalkan ajaran agama. Selain itu mereka juga menjalin hubungan kekeluargaan yang mesra berbanding dengan peserta kajian LSQ1 dan LSQ2 yang gagal menjalin hubungan yang mesra bersama dengan ahli keluarga mereka. Selain itu, peserta kajian LSQ1 dan LSQ2 juga banyak dipengaruhi oleh ibu bapa mereka yang tidak mengamalkan nilai-nilai spiritual dalam kehidupan harian mereka.

### **Agama**

Daripada maklum balas yang diberi dalam temu bual, kajian ini telah mengenal pasti empat sub tema di bawah tema utama agama yang turut menyumbang kepada pembentukan kecerdasan spiritual, iaitu kepercayaan, ajaran agama, amalan dan belajar agama. Manakala di bawah sub tema amalan, terdapat dua sub tema kecil iaitu rasa kuat dan memberi kesan mendalam. Selain itu sub tema belajar agama dan ajaran agama juga mempunyai satu sub tema kecil masing-masing iaitu amali dan maaf-memaafan (Rajah 3).



*Rajah 3. Rajah Pokok Sub Tema “Agama” Terhadap Faktor Penyumbang Pembentukan Kecerdasan Spiritual*

Menurut peserta kajian HSQ2 “agamalah yang membina semangat spiritual.”

“...bagi saya agama tu tak boleh dipisahkan, jadi kita perlu tingkatkan dari segi keagamaan itu lah sebab agama tu lah yang membina semangat spiritual...bagi saya, semua agama mementingkan kebaikan nilai-nilai positif, itu yang membentuk nilai-nilai spiritual...”(HSQ2 Para 315)

### ***Kepercayaan***

Peserta kajian HSQ2 kerap kali menegaskan bahawa kepercayaan kepada agama telah memberi satu kekuatan dalam kehidupannya.

“...saya rasa satu benda yang menyebabkan saya tidak berapa sedih ialah saya percaya bahawa satu hari nanti saya juga akan meninggal dunia juga, kenapa saya perlu bersedih hari ini kalau mak saya ada, ayah ada, perlukah dia suka tengok saya hidup dalam keadaan sedih tersebut, so itu macam bagi satu kekuatan kepada saya macam as your life just goes on with your life, buat yang terbaik...” (HSQ2 Para 230)

### ***Belajar Agama***

Peserta kajian HSQ1, HSQ2 dan LSQ1 turut menyokong bahawa belajar agama dapat menambahkan ilmu keagamaan kepada mereka dan seterusnya dapat menjadi mereka kuat dari segi spiritual.

“...kalau kita belajar banyak tentang agama kan, kita akan terbawa-bawa hingga dewasa la, kita belajar cara nak solat dengan betul...dan kita akan dapat yang lebih baik la, akan belajar lebih banyak...” (HSQ1 Para 63, 73)

“...pendidikan yang berterusan dari segi keagamaan pun saya rasa maksudnya saya belajar agama dari kecil sampai sekarang berterusan kan, dari situ macam memberi kekuatan kepada diri saya...” (HSQ2 Para 298)

### ***Ajaran Agama***

Keempat-empat peserta kajian iaitu HSQ1, HSQ2, LSQ1, dan LSQ2 turut setuju bahawa ajaran agama merupakan salah satu faktor utama dalam pembentukan kecerdasan spiritual mereka. Menurut peserta kajian HSQ1, agama mengajar dia tidak membezakan-bezakan jenis agama dan juga saling bermaafan.

“...agama pun mengatakan tak perlu membeza-bezakan agama, kefahaman atau pun apa-apa semua, asalkan kita boleh berkawan dengan orang lain...” (HSQ1 Para 250)

“...kita punya Nabi pun mengajar kita supaya memaafkan pihak lain yang bersalah sebab dia pun memaafkan umat dia so macam saya memang memaafkan tapi at the same time menasihatkan dia supaya dia tidak melakukan benda yang sama la...” (HSQ1 Para 146)

Peserta kajian HSQ2 pula kerap kali menegaskan bahawa dia redha dengan apa yang telah dirancang oleh Tuhannya. Di samping itu, dia telah dapat menikmati keindahan agamanya.

“...ada satu yang saya diajar masa kecil kan, kena redha, itu juga ajaran agama kan, so apa yang kita dah rancang yang terbaik, tapi Tuhan yang menentukan segalanya, macam ada kuasa yang mengawal kita kan, jadi saya percaya, saya redha dengan keputusan saya tu...” (HSQ2 Para 171)

Peserta kajian LSQ1 dan LSQ2 turut menyokong bahawa agama telah mengajar mereka berkelaluan baik.

“...agama Islam cakap dia suruh buat baik dengan orang, Buddha cakap buat baik dengan orang, awak akan dibalas dengan baik, so benda tu boleh jadi panduan yang bagus...” (LSQ1 Para 255)

“...selepas saya menganut agam Islam saya lebih tenang, saya boleh ambil kira kenapa benda tu jadi, dalam Islam dia ada ajar tentang qada' dan qadar, so ketentuan Tuhan.” (LSQ2 Para 135)

### ***Amalan***

Peserta kajian HSQ1 menyatakan bahawa dia dapat mengamalkan apa yang diajar oleh agamanya, dan dia rasa lebih kuat semasa membantu orang lain.

“...agama melibatkan rohani, adalah kita punya dalaman melibatkan ibadah kita la, kita punya cara kita beribadah...kita mengamalkan apa yang disuruh, seperti solat 5 waktu, baca al-Quran, yang kita utamakan itu...” (HSQ1 Para 111, 117 )

“Rasa kuat untuk menjalankan tugas yang diberikan demi membantu orang maksudnya begitu la, kita nak mengetuai orang atau pun tunjuk cara untuk orang macam tu la...” (HSQ1 Para 84)

Peserta kajian HSQ2 pula menegaskan bahawa dengan amalan ajaran agama, dia redha dengan apa yang telah ditentukan oleh Tuhan, amalan begini telah memberi kesan yang mendalam kepada dirinya.

“...redha tu macam kita menerima keadaan seadanya, macam saya rasa tidak percaya kepada benda tu, redha tu, mungkin tak nampak kenapa you perlu give out, tak perlulah buat lagi dah tak ada benda kan, tapi macam satu benda macam redha, satu benda yang kecil tapi memberi kesan yang mendalam kepada diri sayalah...” HSQ2 Para 277)

Manakala peserta kajian LSQ2 mengatakan bahawa dia tahu tentang ajaran nilai-nilai agama, tetapi masih tidak dapat mengamalkan dengan sepenuhnya. Peserta kajian LSQ1 pula langsung tidak mengamalkan spiritual dalam kehidupan hariannya.

“...saya tahu nilai rohani tu macam mana, tapi saya tak dapat nak amalkan ketika tu, saya macam masih tak percaya lagi saya repeat...bahagian menerima tu lah, tak berjaya sepenuh lagi lah...” (LSQ2 Para 203)

“Jadi dalam amalan harian, biasa-biasa sahaja la, langsung tak ada amalan tentang spiritual.” (LSQ1 Para 44)

Sebagai rumusan, tema agama telah menyumbang kepada pembentukan kecerdasan spiritual guru pelatih. Peserta HSQ1 dan HSQ2 didapati menjana tahap kecerdasan yang lebih tinggi berbanding dengan peserta LSQ1 dan LSQ2 kerana mempunyai pendidikan agama yang sistematis, di mana ajaran agama telah meresap kedalam fikiran mereka dan mereka dapat mengamalkan nilai-nilai agama dalam kehidupan mereka. Manakala peserta LSQ1 tidak berpegang kepada mana-mana agama, lantaran menunjukkan tahap kecerdasan spiritual yang rendah. Peserta LSQ2 pula walaupun telah menganut agama Islam mulai tingkatan dua, tetapi masih lemah dalam amalan ajaran agama dalam kehidupan hariannya.

## PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa faktor keluarga menyumbang kepada pembentukan kecerdasan spiritual. Dapatan ini adalah selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Ghania, Abdullah Kamal & Abd Aziz (2014); Norhayatunnisha (2011). Pengkaji-pengkaji tersebut mendapati bahawa keluarga adalah institusi sosial manusia yang paling penting dan berfungsi untuk memupuk kecerdasan spiritual kanak-kanak. Ibu bapa ialah ahli-ahli yang paling penting dalam sesebuah keluarga. Selain itu dapatan kajian ini juga menyokong kajian Aderemy & Mohamad Hisyam (2012), yang mendapati kecerdasan spiritual pelajar boleh dipengaruhi oleh ibu bapa.

Selain itu, dapatan kajian ini juga selaras dengan dapatan kajian Ahmad Mu'ammar (2011); Moosa & Ali (2011); Ngaliyati (2010); Hosseini, Elias, Krauss, & Aishah (2010). Hasil kajian pengkaji-pengkaji tersebut rata-rata menunjukkan bahawa keluarga khasnya ibu bapa mempunyai peranan penting dalam mengembangkan kecerdasan spiritual anak. Keteladanan ibu bapa akan membawa hikmah dan mampu memacu kecerdasan spiritual anak dengan menyediakan suasana yang harmonis dalam kehidupan keluarga dan menerapkan nilai-nilai spiritual dalam diri anak sejak kecil lagi. Ibu bapa perlu sentiasa memperhatikan perkembangan kecedasan anak-anaknya, baik intelektual, emosi maupun spiritual agar ketiga-tiga kecerdasan tersebut dapat berkembang secara optimum.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa faktor agama menyumbang kepada pembentukan kecerdasan spiritual. Dapatan ini adalah selari dengan kajian yang telah dijalankan oleh Sulaiman, Ismail & Yusof (2013), Syed Najmuddin, Noriah & Mohamad Bokhari (2011). Menurut pengkaji-pengkaji tersebut spiritual adalah atas nilai-nilai kerja yang baik. Ajaran agama memainkan peranan yang dominan dalam membimbing individu tentang apa yang betul atau salah. Tambahan pula, manusia percaya dalam kod moral tingkah laku iaitu perbuatan-perbuatan yang baik akan diberi pampasan dalam pelbagai cara, sama ada sekarang atau kemudian. Misalnya agama Islam mempunyai misi bagi mengubah minda dan tingkah laku masyarakatnya menjadi individu yang cerdas spiritual. Justeru dalam konteks kecerdasan spiritual, Islam menghendaki umatnya menjadi individu yang cerdas spiritual berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah dengan meletakkan asasnya kepada tauhid dan mengesakan Allah SWT. Kegagalan meletakkan Al-Quran dan Al-Sunnah dalam setiap urusan akan menyebabkan kegagalan dalam membentuk akhlak muslim yang komited terhadap tuntutan agama.

Islam memberi perhatian yang amat besar dalam pendidikan akhlak dan menuntut supaya kecekapan akhlak ini dipupuk serta dihayati menerusi penerapan elemen-elemen utama yang selari dengan kompetensi-kompetensi dalam kecerdasan spiritual. Kepentingan pengurusan akhlak sesama manusia dalam hadith di atas mempunyai perkaitan yang kuat dengan konsep kecerdasan spiritual. Dalam kata lain, individu yang mempunyai kecerdasan spiritual menurut perspektif Islam memamerkan akhlak yang berteraskan syariat Allah SWT berasaskan aqidah dan dihiasi dengan adab sopan.

Selain itu, dapatan kajian ini juga adalah selaras dengan kajian Leni (2013); Ida & Nim (2011), yang menyatakan bahawa amalan agama dapat meningkatkan kecerdasan spiritual pelajar. Pendidikan agama bertujuan menjadikan manusia yang bermartabat. Pendidikan agama mempunyai peranan yang besar dalam mendidik anak menjadi manusia yang menuju kepada kehidupan yang berjaya dengan memiliki kecerdasan intelektual, emosional dan spiritual. Pendidikan agama telah menyediakan suatu ruang lingkup yang sempurna kepada diri manusia.

Oleh itu, program pembinaan keagamaan, kegiatan mentoring agama, dan pendidikan agama yang bersifat ketuhanan adalah medium terbaik yang perlu dirujuk dalam pembentukan insan yang terbaik dengan memiliki tahap kecerdasan spiritual yang tinggi.

Nisa (2009); Rachman (2005) telah mencadangkan cara-cara untuk meningkatkan kecerdasan spiritual manusia seperti berikut: banyak merenung secara mendalam persoalan hidup yang terjadi, baik di dalam atau di luar diri sendiri; melihat kenyataan-kenyataan hidup secara utuh dan menyeluruh, tidak secara sebahagian; mengenali motif diri yang paling dalam. Motif merupakan kuasa dalaman yang sangat luar biasa, ia menggerakkan potensi dari pusat diri menuju ke permukaan atau lapisan ego; membuat refleksi dan mengaktualisasikan spiritual dalam penghayatan hidup yang konkret dan nyata; merasakan kehadiran Tuhan yang begitu dekat; dan berterima kasih / bersyukur atas pemberian tuhan kepada kita.

Perlu diingatkan bahawa betapa pun tinggi ilmu pengetahuan seseorang, apabila tidak beragama, maka pengetahuannya akan digunakan untuk mencari kesenangan dan keuntungan sendiri tanpa memperhatikan kepentingan orang lain (Sulaiman, Ismail & Yusof (2013). Maka dapat dirumuskan bahawa pendidikan agama dapat meningkatkan kecerdasan spiritual pelajar dan seterusnya meningkatkan kualiti dan mutu pendidikan agar mencapai visi dan misi yang telah digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, dapatan kualitatif kajian ini telah mengenal pasti bahawa faktor “keluarga” dan faktor “agama” adalah antara dua faktor utama yang menyumbang kepada pembentukan kecerdasan spiritual siswa guru. Penemuan tersebut harap dapat dijadikan sebagai rujukan asas kepada pihak yang terlibat secara langsung dalam pendidikan seperti KPM, BPG, IPG, dan sekolah demi melahirkan guru yang berkompetensi insaniah dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti tenaga pengajar yang profesional.

## RUJUKAN

- Abdul Ghania, F., Abdullah Kamal, S.L. & Abd Aziz, A. (2014). The implication of parenting styles on the akhlak of muslim teenagers in the south of Malaysia. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 114 :761 – 765.
- Aderemy, M., Mohamad, H., Mohd, H. (2012). Persepsi guru-guru bidang teknik dan vokasional Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Segamat dalam meningkatkan kecerdasan emosi pelajar: satu kajian kes kualitatif. *Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah dalam PTV* 2: 1-17.
- Ahmad Mu’amar. (2011). Hubungan antara pembelajaran pendidikan agama Islam dengan kecerdasan spiritual. Tesis Sarjana Pendidikan Islam, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Alegre, A. (2008). Parental behaviors and late-adolescents' adjustments: the role of emotional security and emotional intelligence. Disertasi Ph.D. Virginia Polytechnic Institute and State University.Canda, E. R. (1988). Spirituality, religious diversity, and social-work practice. *Social Casework-Journal Of Contemporary Social Work* 69(4): 238-247.
- Bailey, K.D. (1978). Methods of social research. New York: Fee Press.
- Campbell, L. (2003). The spiritual lives of artists/ teachers. Paper presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association (84th, Chicago, IL, April 21-25,).
- Chakraborty, S.K, & Chakraborty, D, (2004), The transformed leader and spiritual psychology : a few insight. *Journal of Organizational Change Management* 17( 2 ) : 184-210.

- Cohen J, (1988). Statistical power analysis for the behavioral sciences, 2nd ed. Hillsdale, New Jersey: Erlbaum.
- De Klerk, J. (2005). Spirituality, meaning in life, and work wellness: a research agenda. *The International Journal of Organizational Analysis* 13 (1): 64 – 88.
- Fenwick, T., & English, L. (2004). Dimensions of spirituality: a framework for adult educators'. *The journal of adult theological education* 1(1) : 49 – 64.
- Hosseini, M., Elias, H., Krauss, SE, & Aishah, S. (2010). A review study on spiritual intelligence, adolescence and spiritual intelligence, factors that may contribute to individual differences in spiritual intelligence and the related theories. *Journal of Social Sciences* 6 : 429-438.
- Ida Khaizah, Nim. (2011). Pengaruh Rutinitas Membaca Al-Qur'an Ba'da Subuh dan Ba'da Maghrib terhadap kecerdasan spiritual Santri Pondok Pesantren "Masithoh" Dayaan Sidorejo Kidul Kecamatan Tingkir Kota Salatiga. Jurusan Tarbiyah, Stain Salatiga.
- Ina Nurul Lestari. (2010). Pelaksanaan bimbingan agama dalam mengembangkan kecerdasan spiritual anak di Sekolah Alam Depok. Tesis Sarjana. Fakulti Ilmu Dakwah dan Ilmu Komunikasi, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi. (2008). Keperluan kecerdasan spiritual (SQ) dalam pembangunan sahsiah pelajar. Persidangan pembangunan pelajar peringkat kebangsaan 2008, Universiti Teknologi Malaysia. Skudai 22-23 Oktober.
- Leni Nurmawati. (2013). Implikasi pendidikan agama Islam dalam kegiatan mentoring terhadap perkembangan kecerdasan emotional dan spiritual pada siswa di SMA Negeri 1 Teladan Yogyakarta. Tesis Sarjana, Jurusan Pendidikan Agama Islam, Fakulti Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, UIN Sunan Kalijaga.
- Marques, J., Dhiman, S., & King, R. (2005). Spirituality in the workplace: developing an integral model and a comprehensive definition. *Journal of American Academy of Business* 7(1):81.
- Merriam, S.B. (2001). Qualitative research and case study applications in education. San Francisco: Jossey-Bass.
- Moore, T.W. & Casper, W.J. (2006). An examination of proxy measures of workplace spirituality: a profile model of multidimensional constructs. *Journal of Leadership and Organizational Studies* 12(4): 109-118.
- Moosa, J., & Ali, N. M. (2011). The study relationship between parenting styles and spiritual intelligence. *Journal of Life Science and Biomedicine* 1(1): 24-27.
- Mustaffa, C. S., Omar, N., & Nordin, M. Z. F. (2010). Antesedan kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan kecerdasan emosi spiritual (ESQ) dalam kalangan pelajar sekolah berasrama penuh dan institusi pengajian tinggi. *Journal of Techno-Social* 2(2): 82-98.
- Ngaliyati. (2010). Hubungan antara kecerdasan spiritual dengan perilaku keberagaman siswa di Man Malang II Kota Batu. Tesis Sarjana. Universitas Islam Negeri (UIN) Maulana Malik Ibrahim Malang , Indonesia.

- Nisa, K. (2009). Korelasi program pembinaan keagamaan terhadap kecerdasan spiritual siswa. *Lentera Pendidikan* 12(2) Disember 2009: 188-203.
- Norhayatunnisha' Hj. Nordin. (2011). Hubungan antara kecerdasan intelek, kecerdasan emosi, kecerdasan spiritual dan gaya asuhan ibu bapa dengan tingkah laku kenakalan dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Pontian. Master's Degree, Universiti Teknologi Malaysia.
- Noriah Mohd Ishak. (2005). EQ My Emotional Intelligence :e-Profiling System. Centre for Research and Innovation Management (CRIM) Faculty of Education. Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi Malaysia.
- Piedmont, R. L. (2005). The role of personality in understanding religious and spiritual constructs. In R. F. Paloutzian & C. L. Park (Eds.), *The Handbook of the Psychology of Religion* (pp. 253-273). New York: Guilford.
- Rachman, A. (2005). Mengembangkan kecerdasan emosi dan spiritual. *Psikoislamika* 2 (2): 141-146.
- Rajeshkumar V. Parmar. (2013). A study on spiritual intelligence of B.Ed. students. *Indian e-Journal on Teacher Education (IEJTE)* 1(4): 41-50.
- Scott, C. (1961). Research on mail surveys. *Journal of the Royal Statistical Society, Series A (General)*: 143-205.
- Sheridan, M., Bullis, R., Adcock, C., Berlin, S., & Miller, P. (1992). Practitioners personal and professional attitudes toward religion and spirituality: Issues for education and practice. *Journal of social Work Educations* 28(2): 190-203.
- Sofyan S. Willis, (2005). *Remaja dan masalahnya: mengupas berbagai bentuk kenakalan remaja seperti narkoba, free sex dan pemecahannya*. Bandung: Alfabeta.
- Steve Van Bockern. (2006). Soul filled teaching and learning: reclaiming children and youth. *ProQuest Educational Journals* 12 (4): 218-222.
- Sulaiman, H., Ismail, Z., & Yusof, R. (2013). Kecerdasan emosi menurut Al-Quran dan Al-Sunnah: aplikasinya dalam membentuk akhlak remaja. *The Online Journal of Islamic Education June* 1(2):51-57.
- Syed Najmuddin Syed Hassan, Noriah Mohd. Ishak, Mohamad Bokhari. (2011). Impacts of emotional intelligence (EQ) on work values of high school teachers. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 30 (2011): 1688-1692.
- Tiller, A. E., Garrison, M. E., Block, E.B., Cramer, K. And Tiller, V. (2001). The Influence of parenting styles on children's cognitive development. *Journal of Advanced Nursing* 48(3): 234-246. Van Hook, M., Hugen, B., Aguilar, M. 2001. *Spirituality within religious traditions in social work practice*. United State of America : Brooks/Cole
- Yatimah Sarmani & Mohd Tajudin Ninggal. (2008). Al-Ghazali Counseling Theory. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.

Yahzanon Tahir & Yusof Boon. (2011). Tahap kecerdasan emosi dan hubungannya dengan komitmen guru dalam bekerja dalam kalangan guru mata pelajaran teras tahun enam. *Journal of Edupres* 1(September):187-196.

Young, J. S., Cashwell, C., Wiggins-Frame, M., & Belaire, C. (2002). Spiritual and religious competencies: a national survey of CACREP - accredited programs. *Counseling and Values* 47(1): 22-33.

Young, J. S., Wiggins-Frame, M., & Cashwell, C. S. (2007). Spirituality and counselor competence: A national survey of American Counseling Association members. *Journal of Counseling & Development* 85(1): 47-52.

Zohar, D., & Marshall, I. (2004). *Spiritual capital: wealth we can live by*. London: Bloomsbury Publishing Plc.